

02/12/1999

Kekalahan BN akan dibedah siasat: MB

Minarni Mat Saad; Ahmad Nazri Mohamad

SHAH ALAM, Rabu - Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar akan membuat 'bedah siasat' bagi mengenal pasti punca kekalahan Barisan Nasional (BN) di enam Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor.

Beliau berkata, kekalahan calon BN di DUN Sungai Besar, Sungai Burung, Bandar Klang, Hulu Klang, Kajang dan Gombak Setia berpunca daripada masalah tertentu yang perlu dikenal pasti untuk tindakan seterusnya.

Katanya, ada DUN yang dirampas parti pembangkang itu adalah kawasan putih sedangkan BN hanya menjangkakan kekalahan di kawasan hitam.

Sebaliknya, katanya, dua daripada tiga kawasan hitam iaitu DUN Damansara Utama dan Bukit Gasing, BN dapat merampasnya daripada tangan DAP manakala DUN Bandar Klang yang diwakili calon BN, Tan Chee Keong gagal merebutnya daripada DAP yang diwakili Teng Cheng Khim.

"Pasti ada sebab tertentu kekalahan BN. Sebab jika difikirkan sebahagian daripada DUN itu dianggap sebagai kawasan putih," katanya pada sidang akhbar di Bilik Gerakan Umno Selangor, di sini semalam.

DUN lain yang jatuh ke tangan pembangkang itu ialah DUN Sungai Besar yang mana calon BN, Datuk Ramli Norani ditewaskan dengan majoriti 156 undi oleh Sallehen Mukhyi (Pas); dan DUN Sungai Buaya, Datuk Md Aini Taib dikalahkan Datuk Dr Hassan Mohd Ali (Pas-91 undi).

Turut kecundang, bekas Exco kerajaan negeri, Datuk Fuad Hassan yang gagal mempertahankan kerusinya di Hulu Selangor daripada Mohamed Azmin Ali (Keadilan-1,146 undi); DUN Kajang, Choong Tow Chong ditewaskan Dr Shafie Abu Bakar (Pas-37 undi) manakala DUN Gombak Setia, Abdul Ghani Mohd Yatim tersungkur ditangan Datuk Ismail Kamus (Pas-953 undi).

Sementara itu, Abu Hassan juga akan menubuhkan barisan Exco kerajaan negeri secepat mungkin bagi membincangkan belanjawan dan merangka pembangunan Selangor di alaf baru, pada akhir bulan depan.

Katanya, beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menghadap pemangku Sultan Selangor dalam tempoh terdekat bagi menyusun agenda untuk menubuhkan kerajaan negeri.

Beliau berkata, penubuhan segera kerajaan negeri itu penting bagi memastikan pelan pembangunan dan kemajuan yang ada diteruskan selain merangka program baru menghadapi alaf baru seterusnya menjayakan wawasan Selangor negeri maju 2005.

"Proses penubuhan kerajaan negeri seperti majlis mengangkat sumpah ahli exco dan melantik speaker dewan undangan negeri akan dilaksanakan bagi memastikan kita akan dapat merangka program pembangunan dan belanjawan akhir Disember ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan semua wakil rakyat BN memperkotakan janji mereka kepada penduduk Selangor yang memberi mandat kepada BN untuk menerajui negeri ini.

"Wakil rakyat baru hendaklah memulakan tugas dan tidak melengah-lengahkan kerja seperti menunggu hingga musim pilihan raya umum akan datang, untuk membangun dan memajukan kawasan masing-masing," katanya.

(END)